

Dr M pemimpin sebenar dunia Islam: Imran Khan

8/5/2020 m/s: 2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan semalam menyuarakan kekagumannya terhadap rakan sejawatannya dari Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang dianggapnya sebagai seorang pemimpin yang sebenar.

Imran Khan berkata, Dr Mahathir adalah contoh pemimpin berpendirian teguh, terutama untuk kebaikan Islam dan umat Islam.

“Sesungguhnya ada perbezaan di antara seseorang yang menjawab

jawatan dan seorang pemimpin. Pemimpin sentiasa mempunyai sistem kepercayaan dan ideologi.

“Seorang pemimpin sentiasa mempunyai pendirian teguh, dan itu sebab kita menyayangi dan menghormati Perdana Menteri Dr Mahathir,” katanya, merujuk kepada kelantangan Dr Mahathir bersuara mengenai India.

Imran Khan, yang menyampaikan ceramah bertajuk ‘Visi untuk Keamanan dan Keselamatan Se-

rantau’ di Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) di sini semalam, berkata demikian ketika ditanya seorang hadirin mengenai langkah India menghentikan pembelian minyak sawit Malaysia, berikutan kritikan Dr Mahathir hubung tindakan India di Kashmir dan undang-undang kerakyatannya yang baharu.

Bekas bintang kriket itu berkata, Dr Mahathir juga dilihat sebagai suri teladan dan negarawan di dalam dunia Islam yang mengubah nasib ramai.

“Kita sudah melihat bagaimana Malaysia menjalani pembaharuan dan membangun di bawah kepimpinan Dr Mahathir. Tetapi apa yang saya suka mengenai Malaysia ialah ia mempunyai masyarakat yang sangat beradab dan bertamadun.

“Di era kegemilangan Islam dahulu, orang ramai dengan pelbagai agama hidup aman bersama. Terdapat toleransi dan penerimaan dan anda melihat di Malaysia orang ramai hidup dalam suasana harmoni dan pada pendapat saya ia perlu dikagumi,” katanya.

Sementara itu dalam perkembangan lain, Imran Khan berkata, 1.3 bilion umat Islam di dunia perlu menyuarakan pandangan mereka mengenai isu Kashmir, terutamanya Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

“Pada pandangan saya, keadaan boleh menjadi lebih parah, jika anda tinjau sejarah, apabila ada orang yang mencetuskan api nasionalisme melampau dan menghalakan

kebencian kepada komuniti lain, ia biasanya akan membawa kepada pertumpahan darah,” katanya.

Perdana Menteri itu juga berkata, Pakistan sentiasa bersedia untuk berdamai dengan India yang percaya kepada kemakmuran dan pembasmian kemiskinan di rantau berkenaan.

Beliau berkata, antara perkara pertama dilakukannya selepas menjadi Perdana Menteri adalah menghubungkan rakan sejawatannya dari India.

“Sebilangan besar penduduk miskin tinggal di kawasan tertentu India dan cara terbaik mengurangkan kemiskinan di kawasan itu, jika kedua-dua negara memulakan hubungan yang baik.

“Tahap ketegangan ketika ini semakin berkurangan, dan sekiranya kita mengurangkan perbelanjaan untuk sektor pertahanan, suasana akan jadi lebih makmur,” katanya, namun menyatakan bahawa Pakistan terus ditolak oleh negara jirannya itu.

Dalam sesi ceramah itu juga Imran Khan turut menengahkan visinya mengenai Pakistan, yang menurutnya diilhamkan kejayaan Nabi Muhammad SAW membangunkan Madinah.

Beliau berkata, Pakistan telah memulakan usaha menjadi negara kebajikan, di mana buat kali pertama, insurans kesihatan diberikan kepada segmen masyarakat yang paling lemah, yang memberi manfaat kepada enam juta keluarga.

Perdana Menteri itu turut berkata, universiti di dunia Islam perlu melakukan penyelidikan terperinci mengenai kota Madinah sebagai resipi untuk membina sebuah negara yang berjaya.

Terdahulu, pada sidang media kedua-dua pemimpin, Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Pakistan memeterai satu Perjanjian Ekstradisi bagi mengukuhkan kerjasama dua hala membabitkan keselamatan dan jenayah transnasional.

Dr Mahathir berkata, perjanjian itu yang dimeterai itu boleh diguna pakai ke atas penganas dan penjenayah.

Pengumuman mengenai pemeteraian perjanjian itu dibuat dalam sidang media bersama kedua-dua pemimpin berkenaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Pakistan bersetuju untuk meningkatkan kerjasama bagi memartabatkan nilai sebenar Islam dan pada masa yang sama, mengukuhkan kedaulatan ummah Islam itu sendiri.

Malaysia dan Pakistan juga bersetuju agar perbincangan lebih kerap diadakan bagi mengukuhkan hubungan perdagangan dengan memansuhkan halangan dalam sektor utama serta mengurangi ketidakseimbangan barangan.

Malaysia dan Pakistan, kata Dr Mahathir berharap dapat menghadiri mesyuarat jawatankuasa bersama kali keempat bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Erat Malaysia-Pakistan (MPCE-PA) di Islamabad. **BERNAMA**

Ibadat & Fadilat

Daripada Abu Mas'ud, berkata Nabi Muhammad SAW bersabda: “Sesiapa yang menunjukkan perbuatan baik, dia mendapat pahala sebanyak pahala orang yang melakukan perbuatan baik itu.” (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:18	1:35	4:56	7:30	8:42
Alor Setar	6:17	1:35	4:55	7:30	8:42
P. Pinang	6:17	1:35	4:56	7:31	8:43
Ipoh	6:22	1:33	4:54	7:30	8:41
Kuala Lumpur	6:18	1:30	4:51	7:28	8:40
Shah Alam	6:18	1:30	4:51	7:28	8:40
Johor Bahru	6:07	1:21	4:42	7:22	8:33
Kuantan	6:12	1:24	4:45	7:23	8:35
Seremban	6:14	1:28	4:49	7:28	8:39
Bandar Melaka	6:13	1:28	4:48	7:27	8:39
Kota Bharu	6:14	1:28	4:48	7:23	8:30
K. Terengganu	6:14	1:24	4:44	7:20	8:32
Kota Kinabalu	5:14	12:32	3:52	6:28	7:39
Kuching	5:42	12:56	4:17	6:57	8:08